

**DEWAN MAJLIS**

Hari Khamis, 9hb. Syaaban 1444H/2hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKLP., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)**

**Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari Khamis, 9hb. Syaaban 1444H bersamaan 2hb. Mac 2023M, didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ سُبْحَانَهُ kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas

Junjungan Besar kita نبي صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

اللَّهُ Kita juga memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat mengadakan Mesyuarat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dalam suasana yang lebih sempurna seperti sediakala dalam suasana norma baharu, pasca COVID-19.

Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sesungguhnya persidangan yang diadakan pada hari ini adalah sangat signifikan dan penuh gemilang kerana pada hari ini, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di hadapan kita masih ada perkara yang perlu kita selesaikan dahulu. Oleh yang demikian, saya bercadang ada baiknya kita segera beralih untuk menyelesaikan perkara yang sedemikian.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Perkara II - Meneliti dan Mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari

Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 7 hari bermula 23hb. hingga 30hb. Rejab 1443H bersamaan 24hb. hingga 27hb. Februari 2022 dan 1hb. hingga 3hb. Mac 2022M bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di hadapan kita sekarang adalah Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun dikelilingkan lebih awal lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat telah berkesempatan untuk meneliti sepenuhnya minit-minit persidangan tersebut, maka sekarang saya ingin memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat jika ada yang ingin memberikan pendapat ataupun pindaan terhadap minit-minit mesyuarat ini, saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat kenyataan.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat sebarang pindaan ataupun membuat kenyataan setakat ini, maka saya membuat kesimpulan bahawa isi kandungan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas yang telah bersidang

selama tujuh hari adalah rekod yang betul dan saya luluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar lagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Maka bagi membolehkan majlis ini untuk menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke majlis ini, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini dulu.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**TITAH**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA**  
**MULIA PADUKA SERI BAGINDA**  
**SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**  
**MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI**  
**AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR**  
**'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI**  
**WADDIEN, SULTAN DAN YANG**  
**DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI**  
**DARUSSALAM SEMENA ISTIADAT**  
**PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT**  
**PERTAMA DARI MUSIM**  
**PERMESYUARATAN KELAPAN**  
**BELAS MAJLIS MESYUARAT**  
**NEGARA PADA HARI KHAMIS,**  
**9HB., SYAABAN 1444H BERSAMAAN**  
**2HB., MAC 2023M BERTEMPAT DI**  
**BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN**  
**DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI**  
**BEGAWAN, NEGARA BRUNEI**  
**DARUSSALAM.**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
 عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةِ  
 وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،  
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
 أَجْمَعِينَ، وَيَعْدُ.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Persidangan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Beta lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib atas pelantikan semula sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Beta juga mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Baharu Yang Dilantik. Ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih juga beta tujukan kepada mantan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara atas sumbangan mereka dalam persidangan-persidangan Majlis yang lalu. Beta berharap Ahli-Ahli Baharu Yang Dilantik akan dapat menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas bagi memberikan apa jua pandangan serta bersikap terbuka dengan anak buah ketika mendapatkan pendapat dan maklum balas daripada mereka masing-masing.

Begitu juga ketika membahas sesuatu perkara, sikap ini juga penting sambil pemikiran jangan lari dari mencari impak positif untuk negara. Inilah masanya untuk berbincang tanpa terikat dengan syarat-syarat yang merugikan. Beta mahu semua Ahli Yang Berhormat hendaklah berfikiran terbuka tetapi bebas daripada sebarang pengaruh luar kerana kita sesungguhnya tidak mahu sebarang anasir mungkin mencemari kemurnian "Calak Brunei" kita.

Secara khusus, beta juga berharap supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Kalangan Orang-Orang Bergelar yang mempunyai pengalaman luas akan dapat menjadi teladan terbaik dalam menyuarakan isu-isu yang berbentuk

strategik. Manakala perkara-perkara yang bersifat operasi dan taktikal bolehlah dibincangkan bersama agensi-agensi yang berkenaan di luar Dewan Majlis dari semasa ke semasa.

Sangat penting diambil kira ialah cabaran untuk meningkatkan Hasil Kerajaan Beta dan dalam masa yang sama perbelanjaan yang akan dibahas dan diluluskan dalam Mesyuarat MMN nanti akan benar-benar memberi impak positif kepada negara dan rakyat tanpa terlalu banyak membebankan kerajaan beta.

Janganlah lupa, antara isu penting yang perlu diberikan perhatian ialah isu pengangguran. Beta yakin, dengan adanya kerjasama dan sokongan padu dari semua pihak yang berkepentingan, maka kadar pengangguran boleh dikurangkan sebagaimana telah dicapai sebelum ini iaitu kadar pengangguran menurun kepada 4.9% pada tahun 2021 berbanding 7.3% pada tahun 2020.

Kerajaan Beta melalui Sekretariat Tetap *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* sentiasa merancang dan melaksanakan beberapa strategi melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* supaya kebajikan dan kepentingan para pencari kerja tempatan diperkasa dengan latihan semula dan peningkatan ilmu pengetahuan untuk memudahkan mendapat pekerjaan.

Dalam meningkatkan kemahiran profesional anak-anak tempatan di syarikat swasta, di Sektor Pembinaan dan Tenaga, *HSE Competency Apprentice Programme* telah diperkenalkan untuk membolehkan

mereka layak mendaftar *workplace safety and health officer (WSHO)* atau penyelaras di tempat kerja mengikut piawaian *Safety, Health and Environmental National Authority (SHENA)*.

Kerajaan juga telah memperkenalkan program *SkillsPlus* untuk memberikan peluang kepada anak-anak tempatan meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran dan program ini telah dilaratkan kepada 4 sektor baharu, iaitu Sektor Tenaga, Pembinaan, Pengangkutan dan Logistik dan *HSE*.

Semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara yang lalu beta telah pun bertitah mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan kajian yang dilaksanakan bagi penambahbaikan skim persaraan dalam usaha Kerajaan Beta mengukuhkan perlindungan sosial dan inklusif dan mampan yang merupakan salah satu tunjang utama Strategi Jaminan Sosial Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam.

Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang baharu ini akan dapat memberikan pendapatan persaraan yang lebih baik daripada Skim TAP yang ada pada masa ini dan juga akan menggalakkan ahli-ahli SPK untuk terus berusaha mencari dan mendapatkan pekerjaan sama ada di sektor swasta, kerajaan atau secara persendirian yang hasil sumbangan tersebut dimasukkan ke dalam SPK akan menampung pada hari persaraan nanti.

SPK ini, ان شاء الله akan dilancarkan pada bulan Julai tahun ini.

Mengenai komitmen negara ke arah Perubahan Iklim, beta telah memperkenankan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Tuan Rumah bagi Pusat Perubahan Iklim *ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change)* yang akan menempatkan pakar-pakar dari dalam dan luar negara untuk menjalankan kegiatan penyelidikan berkaitan dengan perubahan iklim.

Ini selaras dengan Dasar Perubahan Iklim Negara pada mana satu direktif, Inventori Karbon menggunakan *Centralized Inventory System* yang akan diperkenalkan dalam usaha negara melaksanakan pemantauan dan mengesahkan data gas rumah hijau secara telus, konsisten dan tepat. Dengan maklumat tersebut pada penghujung tahun 2023, Pelan Kebangsaan Adopsi Perubahan Iklim akan dijangka sebagai usaha penyelarasan dan penyesuaian dengan perubahan iklim.

Menyentuh mengenai bidang Ekonomi, mengikut Laporan Ringkasan *Annual Census of Enterprises 2021*, yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik bagi tahun 2020 Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) membentuk 97.2% dari jumlah keseluruhan perusahan aktif Negara Brunei Darussalam pada tahun 2020. Dengan demikian peranan PMKS adalah sangat penting dalam menggiatkan ekonomi negara dan dengan itu,

persekitaran perniagaan harus pula terus diperbaiki untuk menggalakkan lebih ramai lagi usahawan menceburi bidang perniagaan dan perusahaan serta menggalakkan perusahaan yang sedia ada untuk terus berkembang. PMKS juga perlu berani diberi peluang bagi mengembangkan perniagaan mereka ke luar negara kerana ini akan menghasilkan *high value added* kepada ekonomi negara.

Pihak *Darussalam Enterprise (DARe)* telah dan akan menyediakan skim bantuan dan program latihan dan khidmat nasihat untuk dimanfaatkan oleh PMKS. *DARe* juga telah memudah cara beberapa projek dalam pelbagai sektor utama (*priority sectors*) yang dikenal pasti seperti sektor agrimakanan dan sektor pembangunan bagi meningkatkan kondusif ke arah menjana lebih banyak aktiviti perekonomian dan mendukung sara diri dan berorientasikan eksport.

Akhirnya, beta ingin mengingatkan sekali lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya akan dapat menggunakan persidangan ini dengan sebaiknya dengan membentangkan isu-isu utama yang strategik yang penting serta sama-sama memberikan buah fikiran dan mencari jalan-jalan penyelesaian yang berpatutan.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



## DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

### Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, lebih dahulu marilah kita merafakkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan izin-Nya jua, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun selamat sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baginda telah berkenan mengurniakan titah.

Bagi membolehkan majlis ini untuk menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat untuk bergambar ramai bersama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya untuk berangkat meninggalkan bangunan ini.

Maka, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Dan إِن شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 11hb. Syaaban 1444H bersamaan dengan 4hb. Mac 2023M,

pada pukul 9.30 pagi. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)**